

## PSIKOLOGI KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID 19

**Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar**

### ABSTRACT

*Psychology security is a discipline that combines the corpus of psychology and security that resulting from cognitive process and behavioural due to security reality. The pandemic COVID-19 outbreak has led to the narrative of psychology security being empirically analysed. Attitudes and the level of awareness of COVID-19 are the main non-medical factors in combating the threat. Thus, this article discusses the importance of psychology security at the individual level, which is the major factor in the containing efforts. Then, this article analyses the violations of Movement Control Order (MCO) as an indicator of the psychology security awareness level. The data was analysed through MCO violation cases from 23<sup>rd</sup> Mac 2020 to 1 Mac 2021. Result shows that the violation cases increased linearly with the increase of compliance operations. The violation cases of MCO also increased when there is a trend in confirmed cases being unreported. This proves that the low level of society awareness has become the main deterrence factor in containing COVID-19 pandemic. Policy improvement is discussing in the article.*

**Keywords:** security; health; movement control order; new norms

### ABSTRAK

Psikologi keselamatan merupakan satu disiplin ilmu yang menggabungkan korpus psikologi dan keselamatan yang terhasil melalui proses kognitif dan perlakuan akibat realiti keselamatan. Penularan pandemik COVID-19 telah membawa naratif psikologi keselamatan yang memerlukan suatu penganalisan secara empirik. Sikap dan tahap kesedaran terhadap COVID-19 menjadi faktor utama bukan perubahan dalam memerangi ancaman bahaya wabak ini. Oleh yang demikian, artikel ini membincangkan kepentingan psikologi keselamatan pada peringkat individu yang menjadi faktor utama pembendungan wabak. Kemudian, artikel menganalisa kes keingkaran terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai indikator tahap kesedaran psikologi keselamatan. Data dianalisa melalui cerapan kes ingkar PKP daripada 23 Mac 2020 sehingga

1 Mac 2021. Dapatan analisa menunjukkan kes pengingkar meningkat sejajar dengan peningkatan operasi pematuhan. Kes ingkar juga meningkat apabila terdapat trend penurunan terhadap kes yang dilaporkan. Ini membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat yang rendah merupakan halangan terbesar dalam pembendungan wabak Covid-19. Cadangan penambahbaikan polisi dibincangkan dalam artikel ini.

***Kata kunci:** keselamatan; kesihatan; perintah kawalan pergerakan; norma baharu*

## **1. PENDAHULUAN**

Psikologi keselamatan merupakan integrasi dua bidang ilmu, iaitu psikologi dan keselamatan. Secara asasnya, psikologi keselamatan melibatkan proses kognitif terhadap realiti dan perasaan. Ia merangkumi proses minda, perlakuan serta kesedaran kerohanian yang bukan sahaja sekadar rasional tetapi juga melibatkan kefahaman sosiologi dan masyarakat. Perbincangan psikologi keselamatan sebenarnya merujuk kepada persoalan keselamatan individu dan masyarakat. Oleh kerana psikologi banyak melibatkan proses kognitif, maka persoalan realiti keselamatan boleh diukur melalui tiga elemen, iaitu kebarangkalian risiko, keberkesanan pencegahan dan kepelbagaian tindak balas. Manakala perasaan keselamatan pula melibatkan pengukuran melalui tindak balas psikologi terhadap risiko dan pelan pencegahan serta pelan tindak balas. Psikologi keselamatan ialah perasaan hasil daripada proses kognitif dan perlakuan yang dijana daripada realiti keselamatan yang dihadapi oleh seseorang atau sesebuah masyarakat.

Semasa pandemik Selsema Sepanyol (Spanish Flu) melanda dunia suatu ketika dahulu, telah meragut hampir 40 juta nyawa seluruh dunia, dan kini muncul pula virus baharu iaitu COVID- 19, yang dikatakan bermula di daerah Wuhan, China pada penghujung tahun 2019. Demam selsema sebenarnya mempunyai pelbagai varian , tetapi COVID-19 adalah lebih berbahaya di mana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkannya sebagai pandemik global pada Mac 2020 apabila gagal menemukan punca dan vaksin dalam kadar waktu yang ditentukan. Sehingga Mac 2021, lebih kurang 120 juta kes jangkitan telah dilaporkan dengan jumlah kematian melebihi 2.6 juta di seluruh dunia. Amerika Syarikat merupakan negara yang mempunyai jumlah kes tertinggi dengan kadar kematian yang tertinggi diikuti Brazil dan India

(Johns Hopkins Coronavirus Resource Center, 2021). Di Malaysia, sehingga 16 Mac 2021, sebanyak 324,971 kes dilaporkan dengan bilangan kematian seramai 1,213 orang (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Ini membuktikan bahawa perilaku serta kesedaran moral diri adalah benteng utama dalam mengawal penularan wabak, manakala kehebatan teknologi dan kemodenan belum mampu untuk menghalang wabak. Persoalan keselamatan kesihatan dan sendiri mesti mempunyai kesedaran yang baik, dan ia perlu dimulakan dengan kesedaran secara psikologi terhadap keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2020b).

Di Malaysia, pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat. Laporan perkembangan dari aspek kesihatan, statistik, keselamatan dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dibuat pada setiap hari. PKP 1.0 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) yang tamat pada 8 Jun 2020 telah diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020. Memandangkan kes kebolehjangkitan terus meningkat dan tahap keupayaan perkhidmatan kesihatan mencapai maksimum, telah memaksa pihak kerajaan untuk melaksanakan PKP 2.0 di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Melaka, Pulau Pinang, Johor serta Sabah yang menunjukkan peningkatan kes positif sehingga empat angka dengan kemunculan banyak kluster penularan yang baharu pada 13 Januari 2021. Manakala negeri Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Terengganu dan Kelantan pula diletakkan di bawah PKPB sementara Sarawak dan Perlis di bawah PKPP. Kewujudan kluster-kluster baharu secara berterusan sebenarnya memperlihatkan sikap ambil mudah serta tidak serius dan kurang prihatin di kalangan rakyat terhadap terhadap SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ia secara tidak langsung, membuktikan bahawa tahap kesedaran terhadap keselamatan secara psikologi adalah masih rendah, serta kesedaran terhadap kepentingan psikologi keselamatan masih belum berada di tahap yang baik. Oleh yang demikian, artikel ini membincangkan kepentingan serta menganalisa tahap kesedaran berdasarkan cerapan data kes keingkaran PKP. Ini sangat penting kerana hanya melalui kesedaran secara psikologi dan diterjemah melalui perlakuan adalah perkara paling utama dalam membendung wabak COVID-19 dan ia akan berterusan sehingga vaksin ditemukan.

## 2. OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mendapatkan jawapan kepada sikap dan tahap kesedaran rakyat dalam konteks psikologi keselamatan, artikel ini mensasarkan tiga objektif, iaitu:

- a. Mengenalpasti faktor penyumbang kes ingkar arahan.
- b. Mengenalpasti sikap terhadap psikologi keselamatan.
- c. Mengenalpasti tahap kesedaran terhadap psikologi keselamatan.

## 3. SOROTAN KARYA

Psikologi keselamatan ialah suatu bentuk naratif dan kefahaman berkaitan persoalan keselamatan diri dan sekeliling. Ia bermula di dalam fikiran yang didasarkan kepada emosi dan logik, dengan perkiraan risiko dan tindakan pencegahan yang saling berkait antara perasaan dan realiti (Schneier, 2008). Maka, secara ringkas boleh difahami bahawa psikologi keselamatan ialah perasaan hasil daripada proses kognitif dan perlakuan yang dijana daripada realiti keselamatan. Realiti keselamatan ini boleh diukur melalui kebarangkalian risiko yang bermacam-macam dan keberkesanan pencegahan serta tindak balas yang dibuat di dalam pelbagai bentuk. Perasaan keselamatan pula melibatkan tindak balas psikologi terhadap risiko dan pelan pencegahan serta pelan tindak balas.

D'Addario (2013) menyatakan bahawa keselamatan adalah terangkum di dalam psikologi manusia, yang melalui proses-proses kritikal serta banyak dipengaruhi oleh kepesatan teknologi. Banyak penulisan sarjana adalah berkisar terhadap kesan psikologi, teknologi maklumat, media sosial atau radikalisme (Aggarwal, 2017; Butcher, 2019; Lebedeva & Galyapina, 2016; Lohnert, 2019). Menerusi pendekatan analisa sorotan karya bersistematik atau *Systematic Literature Review* (SLR) melalui pangkalan data *Scopus* dan *Web of Science* mendapati sangat kurang karya-karya yang membincangkan tentang psikologi keselamatan berbanding carian keselamatan psikologi. Karya yang membincangkan keselamatan psikologi adalah sebanyak 2111 dari tahun 2017 hingga 2021, berbanding sebanyak 1161 karya tentang psikologi keselamatan bagi tempoh yang sama. Oleh yang demikian, perbincangan berkaitan psikologi keselamatan dalam konteks sosial dan kehidupan adalah amat penting terutama dalam waktu pandemik seperti sekarang ini (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2020a).

## **Psikologi Keselamatan**

Keselamatan adalah suatu aspek berkait dengan emosi dan realiti. Sebagai contoh, kebarangkalian dalam matematik, merupakan subjek yang mengukur dan menentukan pelbagai risiko serta ia juga mempunyai langkah-langkah pencegahan yang berbeza (Schneier, 2008). Sekiranya wujud kesedaran terhadap bahaya yang bakal terjadi, maka langkah-langkah keselamatan akan diambil. Pemakaian topi keledar semasa menunggang motosikal untuk pergi ke kawasan berhampiran kerana kesedaran bahawa malang tidak berbau. Kesedaran ini juga sebenarnya merangkumi aspek lain seperti kos kemalangan, emosi dan masa yang akan ditanggung sekiranya langkah-langkah keselamatan tidak diberi perhatian.

Otak akan sentiasa berfungsi dengan menganalisa risiko yang berada di sekeliling dan membentuk jalan pintas mental, peraturan praktikal, stereotaip dan bias yang dipanggil heuristik. Heuristik, sebenarnya membantu individu untuk mengenal pasti keadaan persekitaran melalui kerangka mental yang diperoleh daripada pengalaman, pembacaan atau pelbagai sumber pengetahuan. Contohnya, apabila terlihat penunggang motosikal, berjaket hitam berlegar-legar di kawasan perumahan, lantas ia akan mencetus rasa curiga terhadap penunggang motosikal tersebut dan seterusnya akan timbul perasaan untuk berhati-hati dan berwaspada. Rasa tersebut tercipta melalui heuristik daripada sumber bacaan, media ataupun maklumat yang dikongsi berkenaan karektor seorang peragut.

Amygdala yang merupakan salah satu bahagian otak akan bertindak dikala sesuatu keadaan yang ditafsirkan berbahaya wujud. Ia akan menyebabkan adrenalin dan hormon lain dipam ke dalam saluran darah. Situasi ini juga mencetuskan tindak balas yang pantas, menyebabkan peningkatan degupan jantung, peningkatan ketegangan otot, dan menyebabkan tapak tangan berpeluh. Ini akan membolehkan individu bertahan dari sesuatu yang berbahaya.

Fungsi otak sangat unik. Sekiranya berlaku kemalangan jalan raya contohnya, trauma akan terbentuk dan ia akan mencipta rasa takut. Rasa takut ini akan menjadikan individu lebih berhati-hati di masa akan datang dengan memandu lebih berhati-hati, mematuhi had laju, memakai tali pinggang keledar, dan sebagainya. Namun, heuristik ini bertindak dalam dua hala; ia boleh menyebabkan seseorang mencipta keadaan waspada ataupun leka yang

menghasilkan tindakan yang jauh berbeza. Situasi ini dikenali sebagai kebarangkalian heuristik. Kebarangkalian yang salah dalam membuat andaian akan menyebabkan sesuatu keadaan akan disalah tafsir.

Maka, dapat difahami bahawa psikologi keselamatan merupakan perkiraan risiko dan tindakan yang saling berkait antara perasaan dan realiti yang bermula di dalam fikiran bersandarkan emosi dan logik.

### **Kerangka teori**

Model Kepercayaan Kesihatan (*The Health Belief Model, HBM*) adalah satu model yang popular dan secara umumnya dipercayai dan diterima kerana mempunyai kuasa prediktif yang sangat tinggi (Barakat & Kasemy, 2020; Christensen et al., 2020; Shahnazi et al., 2020). Model HBM adalah panduan teoretikal dalam memahami kegagalan orang awam mematuhi strategi pencegahan penyakit atau ujian saringan untuk pengesanan awal penyakit. Ia merupakan model yang dikembangkan pada tahun 1950 oleh pengamal psikologi sosial Perkhidmatan Kesihatan Awam Amerika Syarikat. HBM dibangunkan daripada teori psikologi tingkah laku dengan asas bahawa terdapat dua komponen tingkah laku yang berkaitan dengan kesihatan. Pertama, keinginan untuk mengelakkan penyakit, atau keinginan untuk sembuh daripada penyakit. Kedua, kepercayaan bahawa tindakan kesihatan tertentu dapat mencegah, atau menyembuhkan penyakit. HBM mempunyai beberapa komponen penting untuk memberikan kerangka penjelasan berkaitan bagaimana individu mentafsir sesuatu keadaan dan sekaligus bertindak mengikut tafsiran tersebut (Barakat & Kasemy, 2020; Carico et al., 2021; Costa, 2020; Jose et al., 2021; Taylor et al., 2006; Tong et al., 2020; Wong et al., 2020).

Komponen pertama HBM ialah anggapan kerentanan yang dirasakan. Ia adalah merujuk kepada persepsi subjektif individu terhadap risiko mendapat penyakit dan kesakitan. Terdapat banyak variasi dalam perasaan kerentanan seseorang terhadap penyakit dan kesakitan. Kedua ialah anggapan keparahan yang dirasakan yang merujuk kepada perasaan individu terhadap keseriusan dijangkiti penyakit (atau membiarkan penyakit atau kesakitan tanpa rawatan). Terdapat banyak variasi perasaan keparahan ini, dan individu akan mempertimbangkan akibat dari segi perubatan (misalnya kematian, kecacatan) dan akibat dari segi sosial (misalnya kehidupan keluarga, hubungan sosial) ketika menilai keparahannya. Ketiga, ialah anggapan manfaat yang dirasakan

iaitu merujuk kepada persepsi individu mengenai keberkesanan pelbagai tindakan yang ada untuk mengurangkan ancaman penyakit atau kesakitan (atau untuk menyembuhkan penyakit atau kesakitan). Tindakan yang dilakukan untuk mencegah (atau menyembuhkan) penyakit atau kesakitan bergantung pada pertimbangan dan penilaian terhadap kerentanan yang dirasakan dan manfaat yang dirasakan, sehingga orang tersebut akan menerima tindakan kesihatan yang disyorkan jika dianggap bermanfaat. Ini juga bergantung kepada penilaian risiko dan dagangan keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2020a; Schneier, 2008). Keempat, anggapan halangan yang dirasakan yang merujuk kepada perasaan individu terhadap halangan untuk melakukan tindakan kesihatan yang disyorkan.

Terdapat banyak variasi dalam halangan perasaan seseorang, atau halangan yang menyebabkan mereka menganalisa kos atau faedah. Pertimbangan keberkesanan tindakan terhadap persepsi bahawa ia mungkin mahal, berbahaya (contohnya, kesan sampingan), tidak menyenangkan (contohnya menyakitkan), memakan masa atau menyusahkan. Kelima, isyarat untuk bertindak yang merujuk kepada rangsangan yang diperlukan untuk memacu proses membuat keputusan untuk menerima tindakan kesihatan yang disyorkan. Petunjuk ini boleh bersifat dalaman (misalnya sakit dada, sukar bernafas, dan lain-lain) atau luaran (contohnya nasihat orang lain, anggota keluarga dijangkiti sakit tersebut, artikel surat khabar, dan sebagainya). Keenam, keberkesanan diri yang merujuk kepada tahap keyakinan seseorang terhadap kemampuannya untuk berjaya melakukan sesuatu tingkah laku. Konstruk ini ditambahkan pada model terkini pada pertengahan 1980. Keberkesanan diri adalah konstruk dalam banyak teori tingkah laku kerana secara langsung ia berkait rapat dengan tingkah laku yang diinginkan.

HBM dapat memberikan kerangka penjelasan terhadap pematuhan PKP (Tong et al., 2020). Sebagai contoh, sekiranya orang awam merasakan mereka mudah mendapat jangkitan COVID-19 kerana virus ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja tanpa mengira peringkat umur (kerentanan yang dirasakan). Pengetahuan yang ada ialah virus ini sangat bahaya kerana ianya boleh menyebabkan kematian (keparahan yang dirasakan). Kesedaran mematuhi semua SOP semasa PKP berlangsung akan dapat memutuskan rantaian COVID-19 dalam kalangan masyarakat sekaligus menyelamatkan daripada jangkitan (manfaat yang dirasakan). Mematuhi SOP tidaklah sukar dan berada di rumah sepanjang PKP mempunyai hikmah di sebaliknya iaitu dapat menghabiskan

masa bersama ahli keluarga (dapat mengatasi halangan yang dirasakan). Menerima maklumat yang tepat berkenaan pematuhan PKP dan tatacara standard dari pelbagai sumber media pastinya memberi kesedaran akan pentingnya pematuhan PKP. Akhir sekali, kesedaran bahawa pematuhan SOP memainkan peranan yang penting boleh memutuskan rantaian COVID-19 ini (keberkesanan diri).

Namun jika sebaliknya, sekiranya yakin bahawa tiada kebarangkalian tidak dijangkiti dan berasakan masih muda dan boleh melawan virus walaupun sedar akan keperluan mematuhi PKP dan semua tatacara operasi standard. Tetapi halangan yang dirasakan untuk mematuhi PKP ini lebih tinggi daripada manfaatnya seperti berasa bosan tinggal di rumah, rimas memakai pelitup muka dan sebagainya, dan orang di sekeliling juga tidak mematuhi PKP, tentunya akan mempengaruhi tindak-tanduk untuk tidak mematuhi PKP kerana tiada keyakinan bahawa tatacara operasi standard ini mampu memutuskan rantaian COVID-19 ini. Persepsi kepercayaan ini menyebabkan berlaku kes ingkar pematuhan PKP. Kerangka teori HBM ini dapat memberi penjelasan bahawa pematuhan PKP ini adalah berkait rapat dengan bagaimana kognitif menilai sesuatu situasi berdasarkan risiko dan perdagangan keselamatan seterusnya mengubah perlakuan masyarakat.

Melalui perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa penulisan terhadap psikologi keselamatan adalah sedikit berbanding topik keselamatan psikologi. Penulisan dalam konteks psikologi keselamatan banyak dibincangkan dalam aspek kesan, teknologi maklumat, media sosial dan juga keselamatan antarabangsa. Kerangka HBM yang popular dan mempunyai kuasa prediktif yang tinggi boleh digunakan dalam mendalami tahap kesedaran masyarakat, terutamanya dalam konteks kesedaran dan pengetahuan terhadap polisi PKP, PKPD, PKPB dan juga PKPP yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menghadapi dan membendung pandemik COVID-19.




#### 4. METODOLOGI KAJIAN

Data artikel ini dicerap melalui laporan setiap hari sidang media yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara. Data direkodkan bermula 23 Mac 2020 (PKP 1.0) sehingga 1 Mac 2021 (PKP 2.0) sahaja. Sungguhpun Malaysia, dan seluruh dunia masih lagi berhadapan dengan ancaman COVID-19, tetapi data ini mampu digeneralisasikan dan menjadi rujukan utama data dalam perbincangan artikel ini. Penulis merekodkan semula data yang didapati melalui sidang media harian oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang disiarkan secara langsung setiap hari bermula daripada jam 2 petang atau jam 5 petang bagi pelaporan bukan kesihatan. Kemudian data disemak semula berdasarkan maklumat yang dikongsi melalui aplikasi *Telegram* rasmi MKN. Data kemudian diterjemah dalam bentuk graf bagi perbincangan dalam artikel ini.

#### 5. HASIL KAJIAN

Dalam bahagian ini, data yang dicerap pada 23 Mac 2020 sehingga 1 Mac 2021 akan dibincangkan dan diulas. Faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan kes ingkar SOP juga akan dibincangkan secara terperinci bagi melihat faktor berlakunya kes ingkar walaupun pelbagai info, hebahan dan maklumat yang diberikan oleh pihak berkuasa khususnya dari MKN sendiri serta media-media yang wujud.



Rajah 1.0 Kes ingkar (SOP) bermula 23 Mac 2020 sehingga 1 Mac 2021

Berdasarkan Rajah 1.0 di atas dapat dilihat bahawa peningkatan kes ingkar SOP ini ironinya berlaku sejurusnya Pilihan raya Negeri Sabah (PRN) yang berlangsung pada 26 September 2020 yang lalu. Peningkatan kes ingkar SOP dari 2-digit kepada 3-digit berlaku sejurus tamatnya Pilihanraya di negeri Sabah ini. Lebih menarik kes ingkar SOP ini pernah mencecah kepada 4-digit pada tarikh-tarikh yang berikut; 25 Disember 2020 sebanyak 1002 kes, 1 Januari 2021 sebanyak 1388 kes dan pada 14 Februari 2021 sebanyak 1111 kes.

Jika diamati secara terperinci ketiga-tiga tarikh ini adalah merupakan tarikh bersempena perayaan hari Krismas, sambutan tahun baru dan juga hari kekasih (*Valentine's Day*). Ini secara tidak langsung menunjukkan trend peningkatan kes ingkar SOP ini berlaku pada hari-hari perayaan dan sambutan khas di Malaysia. Ini lebih menarik lagi selepas pihak kerajaan mengumumkan PKP 2.0 pada 13 Januari 2021 yang lalu kes ingkar SOP harian adalah melebihi 300 kes sehari. Ia amat membimbangkan kerana trend peningkatan kes ingkar SOP ini masih tinggi sehingga makalah ini ditulis. Terdapat pelbagai faktor dan sebab mengapa trend ingkar SOP ini meningkat pada tarikh-tarikh yang dibincangkan sebentar tadi. Antaranya adalah disebabkan kawalan dan undang-undang lebih ketat yang dilakukan oleh pihak berkuasa dan juga faktor-faktor lain yang akan dibincangkan pada bahagian yang seterusnya.

## **6. PERBINCANGAN**

Bilangan kes ingkar arahan SOP di Malaysia menunjukkan trend naik dan turun sejak undang-undang pematuhan SOP mula diperkenalkan apabila wabak COVID 19 melanda negara sejak 17 Mac 2020 lalu. Melihat kepada trend turun naik ini dapat disimpulkan bahawa rakyat negara ini masih gagal mematuhi peraturan-peraturan asas seperti rentas daerah atau negeri tanpa kebenaran, tiada penjarakan fizikal, gagal menyediakan peralatan atau merekod diri atau pelanggan, tiada memakai pelitup muka, aktiviti-aktiviti pusat hiburan, premis beroperasi lebih masa atau tanpa kebenaran, keluar rumah tanpa alasan munasabah, aktiviti-aktiviti sukan, aktiviti perjudian dan juga lain-lain. Kesemua kesalahan kes ingkar arahan SOP ini adalah yang paling kerap dan paling banyak seperti yang dilaporkan di media rasmi MKN seperti di pautan Telegram, Facebook dan lain lain. Pemantauan kesalahan kes ingkar SOP seperti yang dilaporkan kebanyakan dilakukan di restoran-restoran, pasar raya, institusi perbankan, kawasan-kawasan peniaga kecil atau penjaja, pasar-pasar awam dan pasar tani, kilang-kilang dan juga pejabat-pejabat kerajaan.

Selain daripada itu, terdapat juga pemantauan yang dilakukan di rumah-rumah ibadah, tempat-tempat riadah awam, terminal pengangkutan darat, terminal pengangkutan air dan juga di terminal pengangkutan udara. Di samping itu kawalan sempadan juga dilakukan hampir setiap hari oleh pihak berkuasa yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan juga Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM). Berdasarkan data yang diambil dari pautan telegram MKN dianggarkan hampir 50 ke 80 ribu pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan setiap hari tanpa gagal oleh Polis Diraja Malaysia. Walaupun Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) diguna pakai bagi mengawal dan memantau segala kesalahan yang dilakukan oleh setiap individu ataupun syarikat-syarikat persendirian namun ia masih dilihat gagal mendidik rakyat supaya mematuhi segala peraturan-peraturan seperti yang tertakluk dalam akta berkenaan. Oleh yang demikian, pada 11 Mac 2021 yang lalu kadar denda melanggar ingkar arahan SOP dalam negara ini telah dinaikkan dari RM 1000 ke maksimum RM10,000 berkuat kuasa serta merta. Ia diharap dapat mendidik serta mendisiplinkan rakyat Malaysia agar senantiasa mematuhi setiap peraturan dan undang-undang negara seperti yang telah termaktub.

Terdapat pelbagai faktor dan sebab yang boleh dilihat sebagai punca masih ada rakyat yang ingkar arahan SOP dalam negara ini. Jika dilihat dari sudut pandangan ilmuwan-ilmuwan Barat, sifat semulajadi manusia boleh dibahagikan kepada tiga pandangan iaitu, dari segi pandangan negatif, pandangan positif dan juga bersifat neutral. Sebagai contoh, Thomas Hobbes dalam *Leviathan* menyatakan bahawa manusia mempunyai sifat pentingkan diri sendiri sehingga ada ketika akan menyusahkan pihak lain (Roskin,2016). Manakala menurut Aristotle dalam *Politics* menyatakan bahawa sifat manusia adalah seperti haiwan yang rasional ataupun bersifat saling bekerjasama (Roskin, 2016). Pandangan terakhir merujuk kepada pandangan neutral di mana Locke (1924) menyatakan bahawa manusia dilahirkan seperti kertas kosong tanpa sebarang maklumat ataupun informasi. Jika dilihat dari ketiga-tiga pandangan ini boleh dikatakan bahawa sifat manusia itu sangat berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian dengan adanya undang-undang diharapkan agar setiap warga negara itu dapat menghormati dan mematuhi setiap undang-undang yang sedia ada di dalam negara seterusnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai rakyat yang prihatin.

Antara punca dan faktor yang menyebabkan masih terdapat rakyat yang ingkar SOP adalah disebabkan ada di antara rakyat negara ini sering meletakkan diri mereka bukan sebahagian daripada kebarangkalian yang berisiko. Jika dilihat pada faktor pertama ini, ianya banyak dan sering dilihat dan berlaku di kawasan ataupun premis-premis awam di mana ada sebahagian ibu bapa yang tidak memakaikan pelitup muka pada anak mereka sedangkan mereka memakainya. Begitu juga di premis pasaraya-pasaraya dan restoran-restoran terdapat juga rakyat yang sengaja tidak mahu melarikan sosial ketika berada di dalam premis-premis tersebut. Malah ada juga diantara mereka yang tidak mahu mengimbas peranti mereka di pautan My Sejahtera ketika berada di premis yang disebutkan tadi. Faktor kedua adalah merujuk kepada sikap tidak ambil peduli sebilangan rakyat Malaysia, walaupun info yang diberikan samada di media rasmi MKN seperti di *Telegram*, *Facebook* malah juga sistem pesanan ringkas (SMS) diberikan hampir saban hari. Sikap sambil lewa dan sikap tidak acuh sebilangan rakyat adalah amat mengecewakan dan ini merupakan punca peningkatan kes ingkar SOP di dalam negara ini. Manakala, faktor ketiga pula adalah merujuk kepada sikap rakyat yang melihat isu keselamatan dan kesihatan ini adalah merupakan sesuatu yang bersifat abstrak. Ia diibaratkan seumpama melihat sesuatu yang tidak nampak, tidak konkrit dan seakan-akan ia berubah-ubah. Jika dilihat kepada faktor ini, ia adalah hampir sama dengan isu penolakan vaksin dalam kalangan kumpulan anti-vaksin di Malaysia. Ini kerana ada di antara rakyat yang beranggapan bahawa vaksin tidak perlu. Ada juga yang beranggapan bahawa vaksin yang diberikan ini merupakan anasir-anasir negatif dan juga konspirasi pihak luar. Berdasarkan faktor-faktor ini jelas memperlihatkan betapa cetek dan dangkal pemikiran sebilangan kecil rakyat Malaysia mengenai isu keselamatan dan juga kesihatan.

Faktor keempat pula adalah merujuk kepada tindak balas risiko hanya akan berlaku selepas seseorang itu menjadi mangsa pandemik atau menjadi pesalah ingkar SOP. Sikap yang ditonjolkan ini adalah merupakan sikap yang sering dilihat dalam kalangan rakyat Malaysia, seperti pepatah "*sudah terantuk baru tengadah*". Sikap sambil lewa dan tidak ambil serius ini merupakan antara barah utama yang masih wujud dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa merujuk kepada mana-mana spesifik etnik, sama ada Melayu, Cina, India dan juga lain-lain. Jika sikap negatif ini tidak dibendung dan tanpa perhatian yang serius, ia akan menyebabkan negara akan terus mundur dan jauh ketinggalan berbanding negara-negara jiran yang lain. Faktor yang terakhir adalah merujuk kepada dagangan keselamatan, iaitu melihat dan berfikir bahawa PKP ini adalah sangat

menyusahkan, membosankan dan juga menyebabkan kehilangan pendapatan atau sumber ekonomi. Ianya dapat dilihat dengan pelbagai aduan, rungutan dan komen dari pihak-pihak tertentu dan juga sebilangan netizen-netizen di media sosial yang beranggapan PKP/PKPB/PKPP yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa adalah hanya sia-sia. Ada juga mengatakan ia adalah merupakan strategi politik pihak-pihak tertentu bagi menidakkan kebebasan bergerak dan kebebasan individu itu sendiri. Telahan negatif sesetengah individu dan sebilangan netizen ini menjadi semakin kuat, tambahan lagi apabila Ordinan Darurat yang diwartakan kerajaan pada 11 Januari 2021 sebagai langkah proaktif bagi membendung wabak COVID 19 di Malaysia seperti yang dimuktamadkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri. Proklamasi Ordinan darurat ini akan berkuat kuasa sehingga 1 Ogos 2021 dan fokusnya adalah bagi membendung wabak COVID-19 dari terus merebak ke seluruh negara buat kali kedua. Walaubagaimanapun, adalah menjadi norma wujud rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat.

## 7. KESIMPULAN

Maka dapat difahami bahawa faktor penyumbang terhadap kes ingkar arahan atau SOP dipengaruhi oleh faktor cuti, perayaan dan sambutan acara sosial tertentu. Sikap terhadap psikologi keselamatan adalah masih rendah, dengan pandangan individualistik, tidak ambil prihatin serta tidak ambil peduli masih menguasai pandangan masyarakat. Tahap kesedaran masyarakat terhadap psikologi keselamatan masih lagi rendah, dan ia perlu sentiasa dihebahkan dan dikuatkuasakan secara agresif dan membawa Malaysia keluar daripada belunggu pandemik. Secara kesimpulan, trend ingkar SOP dalam negara ini dapat dikurangkan jika setiap rakyat mengambil sikap serius, bertanggungjawab dan ambil tahu bagi setiap perkara. Setiap rakyat harus memainkan peranan masing-masing bagi menggembleng dan berusaha bagi mengurangkan kes ingkar SOP dalam negara ini. Peribahasa Melayu pernah berkata “*bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat.*” Jika kesemua rakyat dapat memainkan peranan masing-masing kes ingkar (SOP) ini pasti dapat dikurangkan di tahap yang paling minima.

## RUJUKAN

- Aggarwal, N. K. (2017). Culture, Psychology, and National Security Against War on Terror Detainees. *Ethos*, 45(4), 433–440. <https://doi.org/10.1111/etho.12178>
- Barakat, A. M., & Kasemy, Z. A. (2020). Preventive health behaviours during coronavirus disease 2019 pandemic based on health belief model among Egyptians. *Middle East Current Psychiatry*, 27(1). <https://doi.org/10.1186/s43045-020-00051-y>
- Butcher, F. (2019). Role of research psychology in defence and security. *Journal of the Royal Army Medical Corps*, 165(2), 113–115. <https://doi.org/10.1136/jramc-2018-001045>
- Carico, R. R., Sheppard, J., & Thomas, C. B. (2021). Community pharmacists and communication in the time of COVID-19: Applying the health belief model. In *Research in Social and Administrative Pharmacy* (Vol. 17, Issue 1, pp. 1984–1987). Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2020.03.017>
- Christensen, I. P., Wagner, H. L., Halliday, M. S., Christensen, I. P., Wagner, H. L., & Halliday, M. S. (2020). Health Belief Models. In *Instant Notes Psychology*. <https://doi.org/10.1201/9781003059332-80>
- Costa, M. F. (2020). Health belief model for coronavirus infection risk determinants. *Revista de Saude Publica*, 54. <https://doi.org/10.11606/S1518-8787.2020054002494>
- D'Addario, F. J. (2013). The Psychology of Security. *Influencing Global Risk Mitigation*, 1–14. <https://doi.org/10.1016/b978-0-12-417233-3.00001-2>
- Johns Hopkins Coronavirus Resource Center. (2021). *COVID-19 Map*. <https://coronavirus.jhu.edu/map.html>
- Kementerian Kesehatan Malaysia. (2021). *Home | COVID-19 MALAYSIA*. <http://covid-19.moh.gov.my/>

- Jose, R., Narendran, M., Bindu, A., Beevi, N., L, M., & Benny, P. V. (2021). Public perception and preparedness for the pandemic COVID 19: A Health Belief Model approach. *Clinical Epidemiology and Global Health*, 9(June 2020), 41–46. <https://doi.org/10.1016/j.cegh.2020.06.009>
- Lebedeva, N. M., & Galyapina, V. N. (2016). Is multiculturalism in Russia possible? Intercultural relations in North Ossetia-Alania. *Psychology in Russia*, 9(1), 24–40. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.11621/pir.2016.0102>
- Lohnert, M. (2019). Security is a ‘mental game’: The psychology of bordering checkpoints in Pakistan. *Geopolitics*, 24(2), 366–390. <https://doi.org/10.1080/14650045.2017.1342624>
- Mohd Azmir Mohd Nizah, . (2020a). *Psikologi Keselamatan Sangat Penting dalam Perjuangan Menentang Covid 19*. Negeri FM, Radio & Television Malaysia.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, . (2020b, April 1). Ubah mentaliti mendepani Covid-19. *Sinar Harian*.
- Schneier, B. (2008). The Psychology of Security. In *The Psychology of Security. In: Vaudenay S. (eds) Progress in Cryptology – AFRICACRYPT 2008.: Vol. 5023 LNCS (Issue 4, pp. 50–79)*. Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-540-68164-9\\_5](https://doi.org/10.1007/978-3-540-68164-9_5)
- Shahnazi, H., Ahmadi-Livani, M., Pahlavanzadeh, B., Rajabi, A., Hamrah, M. S., & Charkazi, A. (2020). Assessing preventive health behaviors from COVID-19: a cross sectional study with health belief model in Golestan Province, Northern of Iran. *Infectious Diseases of Poverty*, 9(1). <https://doi.org/10.1186/s40249-020-00776-2>
- Taylor, D., Bury, M., Campling, N., Carter, S., Garfield, S., Newbould, J., & Rennie, T. (2006). A Review of the use of the Health Belief Model (HBM), the Theory of Reasoned Action ( TRA ), the Theory of Planned Behaviour ( TPB ) and the Trans-Theoretical Model ( TTM ) to study and predict health related behaviour change. In *National Institute for Health and Clinical Excellence (Issue June)*.

- Tong, K. K., Chen, J. H., Yu, E. W. yat, & Wu, A. M. S. (2020). Adherence to COVID-19 Precautionary Measures: Applying the Health Belief Model and Generalised Social Beliefs to a Probability Community Sample. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 12(4). <https://doi.org/10.1111/aphw.12230>
- Wong, L. P., Alias, H., Wong, P. F., Lee, H. Y., & AbuBakar, S. (2020). The use of the health belief model to assess predictors of intent to receive the COVID-19 vaccine and willingness to pay. *Human Vaccines and Immunotherapeutics*, 16(9), 2204–2214. <https://doi.org/10.1080/21645515.2020.1790279>